

# IQORA

Bil. 3/2022

MAC

eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:  
Topik Transgender**  
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:  
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**  
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan  
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**  
PTAR Dungun - muka 30




**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat  
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**  
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:  
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**  
PTAR Hospital UiTM - muka 54

## PROMOSI@PTAR



# KUNJUNGAN HORMAT (SIRI I): BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP), UiTM CAWANGAN JOHOR 31 MAC 2022

Disediakan oleh: Siti Rozana Mat Sanat



*Pada 31 April 2022, satu sesi Kunjungan Hormat Bersama MPP UiTM Cawangan Johor telah diadakan dengan tujuan mempromosikan promosi serta hebahan tentang kemudahan dan perkhidmatan terkini Perpustakaan. Sesi ini melibatkan seramai 20 orang MPP yang diadakan secara bersemuka bagi MPP Kampus Segamat dan atas talian bagi MPP Kampus Pasir Gudang.*

*Program ini dimulakan dengan sesi suai kenal antara Pengurusan Perpustakaan Tun Dr Ismail dan MPP. Program diteruskan dengan ucapan aluan daripada Puan Mawar Noor binti Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan disusuli dengan penerangan berkaitan Perkhidmatan Perpustakaan oleh Puan Noredayu binti Rosli, Pustakawan Kanan. Taklimat Perpustakaan Digital telah disampaikan oleh Puan Siti Rozana binti Mat Sanat. Selain mendengar taklimat, pelajar turut melakukan aktiviti secara hands on bagi berkunjung secara maya ke portal Perpustakaan, memuat turun artikel jurnal, dan menggunakan My Knowledge portal.*

*Di akhir program, pelajar diberi peluang untuk memilih dan seterusnya membuat pinjaman buku yang telah disediakan.*

*Diharap dengan sesi ini memberi pengetahuan berkaitan inisiatif Perpustakaan Digital yang ditawarkan oleh Perpustakaan kepada pelajar di samping dapat membantu mereka memahami fungsi dan peranan setiap inisiatif dalam menyokong pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan.*

*Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada MPP UiTM Cawangan Johor dan semoga jalinan kerjasama ini berpanjangan.*

